

31/05/1999

Pas perlu belajar mengenang budi

DI NAGOYA, Jepun, ketika mengadakan pertemuan dengan pelajar Malaysia kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas kini giat menghasut rakyat, terutama pelajar, supaya jangan berhutang budi dengan bantuan kerajaan. Motif Pas mudah difahami kerana tujuannya adalah untuk memburuk-burukkan kerajaan dan kepeimpinannya. Dengan berbuat demikian Pas cuba memberi gambaran bahawa tidak ada satu perkara baik pun dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) hari ini. Segala yang baik kononnya hanyalah datangnya daripada Pas. Rakyat boleh meminta Pas menyenaraikan apakah projek atau program yang memberi faedah kepada negara dan rakyat yang pernah dilakukan parti itu selama ini. Pas boleh namakan berapa banyak bangunan yang didirikan dengan bantuan parti itu. Parti itu juga boleh menyebut berapa banyak sekolah, universiti, kemudahan teknologi, jalan raya dan sebagainya diusahakan parti itu.

Pas hanya pandai bercakap dan mengeluarkan fatwa serta memburuk-burukkan orang lain sedangkan mereka sendiri tidak melakukan kebaikan untuk rakyat. Ini menunjukkan kepeimpinan Pas tidak banyak kerja, malah tidak perlu berfikir. Cara politik Pas terlalu usang untuk diterima dalam konteks kemajuan dunia hari ini. Di negara-negara Islam lain sekali pun, rakyatnya mengejar pembangunan. Cuma Pas mengajak rakyat supaya berundur.

Apakah Pas, sebagai sebuah parti yang kononnya berpaksi kepada ajaran Islam, tidak tahu menghayati erti terima kasih dan mengenang budi. Bagi orang Melayu, budi dibawa mati. Jika Pas mahu mengikis amalan ini, parti itu bukan saja cuba mengubah nilai dan budaya hidup masyarakat Melayu, malah Pas cuba mengajak rakyat supaya tidak akur kepada tuntutan Islam yang mengajar umatnya supaya mengenang budi. Sepatutnya, Pas mengajak rakyat supaya bersyukur dengan kemajuan dan kejayaan negara. Sebagai parti yang berpegang kepada prinsip Islam, Pas sepatutnya bangga kerana negara ini masih diperintah umat Islam. Pas hanya boleh mengajak rakyat membenci kepeimpinan negara ini sekiranya berlaku kebuluran di sana sini dan negara ini diperintah mengikut telunjuk orang asing. Setakat ini, Pas tidak boleh membuktikan kepeimpinan negara hari ini langsung tidak mengambil berat soal Islam, jauh sekali menzalimi rakyat. Tidak ada seorang pun boleh mengatakan bahawa umat Islam di negara ini ditindas, walau pun ahli Pas sendiri. Jika ahli Pas enggan menerima bantuan atau peluang yang disediakan kerajaan, itu bukanlah salah pemerintah. Jika ditinjau taraf kemiskinan di beberapa tempat di negara ini, sebahagian besar kawasan berkenaan adalah kubu Pas. Penduduk kawasan berkenaan tidak boleh dipersalahkan. Mereka juga mahu hidup senang. Tetapi, disebabkan pemikiran mereka dipengaruhi ideologi politik yang menolak kemajuan dan tidak mementingkan duniawi, mereka terpaksa berpuas hati dengan kehidupan 'kais pagi makan pagi, kais petang, makan petang.' Sekiranya penduduk kawasan berkenaan tidak lagi terikat dengan pandangan sempit yang dibawa parti mereka, kemungkinan besar mereka boleh mengubah kehidupan yang lebih baik. Tidak dinafikan, di kawasan yang diterajui parti pemerintah juga, ada kawasan yang mundur. Tetapi, setidak-tidaknya percubaan untuk memperbaiki kehidupan rakyat setempat terus diusahakan. Berbanding 10 atau 20 tahun lalu, sudah banyak kawasan yang dahulunya mundur, kita sudah dianggap maju. Ia adalah proses pembangunan yang perlu dibuat secara berperingkat-peringkat. Pembangunan memerlukan pengorbanan. Jika sanggup membenarkan kawasan mereka dimajukan dengan bangunan batu, membenarkan kilang-kilang beroperasi di kawasan sekitar dan merelakan kawasan mereka

dilintasi lebuh raya, sudah pasti arus pembangunan dapat disegerakan. Di kawasan yang penduduknya tidak sealiran dengan hasrat kerajaan, mereka selalu membangkitkan penentangan. Sebarang usaha kemajuan sering dianggap sebagai percubaan merampas hak rakyat, kononnya ia memberi faedah kepada pihak tertentu. Anehnya, mereka menentang dengan kuat sistem kapitalis tetapi apabila hidup miskin, mereka menyalahkan kerajaan.

Ahli-ahli Pas sendiri tidak boleh menafikan bahawa ramai anak-anak mereka kini mendapat kemudahan pendidikan di sekolah dan institusi yang dibina oleh kerajaan. Apakah mereka masih tidak mahu berterima kasih kepada kerajaan? Adalah diingatkan kepada Pas, sekali pun mereka menentang kerajaan dan bercita-cita untuk memerintah negara ini, janganlah cuba memesongkan pemikiran rakyat. Pas perlu buktikan kemampuan mereka dahulu sebelum mahu menyaingi jasa BN, bukan dengan jalan mudah, memburuk-burukkan kerajaan.

(END)